

Pembangunan Sains dan Teknologi di IPTA: Satu Analisis Sejarah

*Rahimin Affandi Abd Rahim
Nor Adina Abdul Kadir
Ahmad Faisal Abdul Hamid
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
Emel: faqir_ila_rabbihi@um.edu.my
nor_adina@yahoo.com
faisal@um.edu.my*

*Zulkifli Dahalan
Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia
Emel: zuldahl@ppinang.uitm.edu.my*

ABSTRAK

Pembangunan kemanusiaan sering dikaitkan dengan pencapaian kemajuan sains dan teknologi. Sebagai penduduk majoriti, umat Islam di Malaysia turut tidak terkecuali digesa memenuhi keperluan ini. Kerangka pendidikan di IPTA Malaysia menjadikan pengajian sains dan teknologi sebagai antara fokus teras. Beberapa kelemahan sebelum ini dikenal pasti dengan tujuan untuk memunculkan cendekiawan Melayu yang berketerampilan dalam bidang sains dan teknologi. Penulisan ini bertujuan menganalisis secara kritis terhadap isu tersebut dengan mengambil kira aspek sejarah sebagai latar kajian. Proses penganalisan menggunakan pendekatan falsafah dan rekonstruksi telah dijalankan terhadap sejarah tamadun pengajian Islam. Tanpa menafikan aspek kekuatan, beberapa kelemahan telah dikenal pasti. Berasaskan kepada semangat Islam yang mahu membangunkan tamadun, berpandukan kepada proses pembelajaran terhadap sejarah tamadun dunia,

Esteem Academic Journal

kita perlu membangunkan kerangka Sains & Teknologi (S&T) yang mempunyai nilai-nilai Islam dan bertepatan dengan realiti semasa.

Kata kunci: *sains dan teknologi, analisis sejarah, IPTA*